

Sebab2 mengapa Musa tanding Timbalan

KUALA TRENGGANU, Jumaat — Menteri Pelajaran, Datuk Musa Hitam menjelaskan hari ini, beliau terpaksa bertanding jawatan Timbalan Presiden UMNO sahaja dan menarik balik pencalonannya sebagai Ahli Majlis Tertinggi kerana lawannya, Tengku Razaleigh, cuma bertanding bagi jawatan Timbalan.

Bellau berpendapat, tidak adil jika seorang sahaja bertanding untuk lebih satu jawatan, sedangkan seorang lagi tidak berbuat demikian.

Bellau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar semalam yang menyatakan tindakan bellau menarik balik pencalonannya untuk jawatan Ahli Majlis Tertinggi di saat-saat akhir, menunjukkan sikapnya yang tidak tegas.

Bellau, yang juga Naib Presiden UMNO sekarang, percaya tindakannya itu tidak bercanggah dengan kebendak Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bercakap kepada pemberita di sini, Datuk Musa menerangkan, sehingga tarikh tutup pencalonan pada jam 4.30 petang Selasa lalu, bellau masih mengharapkan Tengku Razaleigh akan bertanding lebih dari satu jawatan.

"Ini memandangkan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri sebagai bakal Presiden UMNO dan Perdana Menteri telah menasihatkan supaya kami berbuat demikian," katanya.

Wanita UMNO juga telah memberikan nasihat yang sama di samping bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, Tan Sri Dr. Tan

Chee Khoo dan bekas Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Tan Sri Kadir Yusoff.

"Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri, bagaimanapun, sewaktu berucap di Melaka, menyatakan kami berdua hendaklah mengikut nasihatnya. Tidak moleklah kalau hanya seorang sahaja ikut dan seorang lagi tidak," katanya.

Sebagai orang politik, Datuk Musa dapat memahami maksud kenyataan Timbalan Perdana Menteri itu.

Menurut bellau, berasaskan kepada harapan begitulah bellau telah mengarahkan Setiausaha Politiknya, Encik Ajib Ahmad, menyerahkan dua kertas penerimaan calon.

Dari awal-awal lagi, katanya, bellau telah mengarahkan Encik Ajib lengkap dengan surat kuasa yang ditandatangani sendiri supaya menarik balik penerimaan calon jika jelas kepada Encik Ajib yang Tengku Razaleigh hanya bertanding untuk satu jawatan.

"Kalaupun Tengku Razaleigh bertanding ketiga-tiga jawatan pun, Setiausaha Politik saya telah bersedia berbuat demikian semata-mata dengan harapan nasihat penganjur-penganjur kami diikuti," katanya.